



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 13 Tahun 2019

### TAWARAN BIASISWA PENOLONG PENSYARAH UiTM BAGI PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA TAHUN 2019/2020

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan mempelawa Penolong Pensyarah Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa atau Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (dengan tajaan yuran pengajian) tahun 2019/2020 bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

#### LATAR BELAKANG

2. Staf yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan dan organisasi.

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3. Staf yang layak memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

<b>CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA</b>		<b>CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (DENGAN TAJAAN YURAN PENGAJIAN)</b>	
i	Warganegara Malaysia;	i	Warganegara Malaysia;
ii	Berjawatan tetap;	ii	Berjawatan tetap;
iii	Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;	iii	Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;
iv	Telah memenuhi genap 3 (tiga) tahun perkhidmatan dengan UiTM;	iv	Telah memenuhi genap 3 (tiga) tahun perkhidmatan dengan UiTM;
v	Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;	v	Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
vi	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;	vi	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;
vii	Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 90% bagi tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut;	vii	Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun (2016, 2017 dan 2018) berturut-turut;
viii	Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang;	viii	Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang;
ix	Telah mengisyiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan	ix	Telah mengisyiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan
x	Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA/HPNG 3.00 dan ke atas atau yang setaraf dengannya.	x	Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA/HPNG 3.00 dan ke atas atau yang setaraf dengannya.

4. Permohonan daripada staf yang telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan tidak akan dipertimbangkan.
5. Pemohon mestilah bebas daripada senarai hitam peminjam PTPTN.
6. Tempoh pengajian Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada pelan pengajian dan keputusan Universiti.
7. Kursus yang diikuti mestilah berkaitan dengan tugas hakiki pemohon dan bertujuan untuk kepentingan perkhidmatan.

## **PELAKSANAAN**

8. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
  - i. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian mulai 18.03.2019 melalui **Portal i-Staf eBiasiswa Pelaksana** di laman web rasmi UiTM [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my).
  - ii. Permohonan yang tidak melalui eBiasiswa Pelaksana tidak akan diproses.
  - iii. Permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar serta tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
  - iv. Tarikh tutup permohonan adalah pada 01.04.2019.
9. Staf yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga.
10. Keputusan permohonan oleh Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia, Universiti Teknologi MARA adalah muktamad.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

11. Pekeliling dikeluarkan pada 18.03.2019.

## **TARIKH KUATKUASA**

12. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 18.03.2019.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan Fakulti

Semua Rektor Cawangan Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(/PT. 6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 13/2019)